HARIAN METRO 18/05/2015

# Perkongsian maklumat

Oleh Wan Mohd Ruzlan Wan Omar
rencana@mediaprima.com.my

Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Terengganu menganjurkan program motivasi kepada pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Sulaiman (SMKSS), baru-baru ini, sebagai landasan perkongsian maklumat mengenai kaedah betul bagi mencapai kecemerlangan dalam akademik.

Program dianjurkan bersama Kelab Kaunseling SMKSS itu membabitkan pelajar tingkatan empat dan lima. Mereka didedahkan dengan aktiviti bengkel dan ceramah.



MEMANTAU perjalanan bengkel dilakukan pelajar SMKSS.



SEBAHAGIAN pelajar SMKSS yang turut serta dalam program komuniti anjuran UniSZA.